

**Mustapa Minta Ketua Bahagian Kenal Pasti Pemimpin Pelapis  
Bernama  
17 Ogos, 2013**

KOTA BAHARU, 17 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed meminta ketua Umno bahagian di negeri itu mengenal pasti golongan muda yang berpotensi dijadikan pemimpin pelapis di bahagian mereka.

Katanya pemimpin pelapis itu mesti meliputi golongan profesional dan juga ulama agar kepimpinan mereka dapat diterima baik oleh masyarakat.

"Suatu hari nanti kita berharap mereka akan menjadi tokoh ikon yang boleh menarik sokongan yang kuat daripada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa berkata perancangan awal bagi melahirkan pemimpin pelapis yang berwibawa tersebut penting supaya masyarakat sentiasa melihat Umno mempunyai imej baharu dengan perjuangan yang kukuh.

Beliau berkata Umno Kelantan juga membuat persiapan awal untuk menghadapi pilihan raya umum Ke-14 dengan beberapa program utama seperti seminar, memperkasakan penglibatan Umno dalam media sosial dan menjalin hubungan dengan pengundi luar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970706>